



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 27 MEI 2025

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	PENDUDUK MAHU HAPUS ANJING LIAR SEBELUM NYAWA MELAYANG, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA - 28	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
2.	DIGIGIT KUCING LIAR, REMAJA 13 TAHUN DIJANGKITI RABIES, NASIONAL, SINAR HARIAN – 13	
3.	DIJANGKITI RABIES LEPAS DICAJAR KUCING TERBIAR, LOKAL, HARIAN METRO – 3	
4.	TERNAKAN RUSA LENGGONG JADI TARIKAN AGROPELANCONGAN, NASIONAL, BERITA HARIAN – 9	
5.	PENYU AGAR 100KG DITEMUI MATI, NEGERI, SINAR HARIAN – 27	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
6.	PPK KUALA LANGAT SASAR JUAL 2,000 LEMBU UNTUK IBADAH KORBAN, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA - 29	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
7.	UN OCEAN SUMMIT CRITICAL TO ITS PROTECTION, VIEWS, THE STAR - 14	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/5/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	28

Penduduk mahu hapus anjing liar sebelum nyawa melayang

TELUK INTAN: Penduduk Kampung Bahagia di sini bimbang terhadap keselamatan mereka berikutan kehadiran anjing liar yang semakin banyak di kampung itu.

Penduduk mendakwa, anjing liar itu dipercayai mencari makan di kawasan pembuangan sampah di kampung tersebut.

Seorang penduduk, Mohd. Arif Rasit, 70, berkata, dia berdepan detik cemas apabila sekumpulan kira-kira 16 ekor anjing liar cuba menyerangnya ketika dia sedang menjemur pakaian di halaman rumahnya baru-baru ini.

Katanya, dia cuba melarikan diri daripada diserang haiwan itu, namun terjatuh sehingga mengalami kecederaan pada kaki.

"Saya bimbang anjing ini menyerang manusia, haiwan ini mungkin menjadi lebih agresif dan menyerang sesiapa saja terutama kanak-kanak.

"Sebelum berlaku kejadian yang tidak diingini saya berharap pihak yang berkenaan segera menangkap haiwan liar ini. Kehadiran haiwan liar semakin banyak, menyebabkan kami semakin bimbang," katanya.

Dia difahamkan ada berlaku kes haiwan liar itu menyerang dan memakan ayam kampung yang dimerak penduduk.

"Biasanya kalau waktu malam, berpuluh-puluh ekor anjing berkeliraran di kampung ini, bergaduh dan menyalak yang membuatkan penduduk rasa tidak selesa, hendak keluar rumah pun takut.

"Gangguan haiwan itu bukan sekadar mengancam keselamatan, malah menjejaskan kebersihan persekitaran di kampung ini kerana anjing ini turut membawa sampah dari pusat pembuangan sampah hingga ke halaman rumah penduduk," katanya.

Seorang lagi penduduk di Lorong 1B kampung tersebut, Yursi Sanusi, 30, pula berkata, dia berasa takut untuk keluar ke tempat kerja di pasar pada waktu malam berikutan kehadiran haiwan liar itu yang semakin banyak.

"Haiwan ini dipercayai datang dari tempat pembuangan sampah yang terletak tidak jauh dari kampung ini yang menjadi sumber makanan haiwan itu.

"Saya berharap pihak berwajib mengatasi masalah anjing liar di sini. Kami bimbang terhadap keselamatan kami selain dikhawatiri jika haiwan ini membawa penyakit anjing gila," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/5/2025	SINAR HARIAN	NASIONAL	13

Digigit kucing liar, remaja 13 tahun dijangkiti rabies

KUCHING - Sarawak mencatatkan kes jangkitan rabies yang pertama dalam kalangan manusia bagi tahun 2025 melibatkan gigitan kucing liar pada bulan ini, kata Menteri Pemodenan Pertanian dan Pembangunan Wilayah Sarawak, Datuk Seri Dr Stephen Rundi Utom.

Beliau berkata, kes berkenaan melibatkan remaja berusia 13 tahun di Kampung Segedup, dekat sini, yang menunjukkan gejala seperti demam, hilang selera makan, muntah, halusinasi, meracau, sukar berjalan dan sukar minum air pada 21 Mei lalu.

"Mangsa kini sedang menerima rawatan di Hospital Umum Sarawak dan Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak (JKNS) mengesahkan kanak-kanak itu mempunyai simptom rabies antaranya demam, hilang selera makan, halusinasi dan takut untuk minum air.

"Kebiasaannya apabila sudah sampai ke tahap ini, memang susah untuk pulih... kita telah mengambil langkah berjaga-jaga dengan menangkap anjing liar di sekitar kawasan kejadian dan kucing liar itu telah pun disahkan mati," katanya dalam sidang akhbar mengenai Persidangan Rabies di Borneo 2025, di Bangunan Dewan Undangan Negeri pada Isnin.



STEPHEN

Rundi berkata, pihak berkuasa tempatan juga sedang meningkatkan usaha untuk mengawal kucing dan anjing liar di kawasan berkenaan sekitar secepat mungkin.

Beliau turut menasihatkan orang ramai untuk sentiasa peka mengenai ancaman jangkitan rabies dan segera mendapatkan rawatan hospital, sekiranya diserang haiwan seperti anjing dan kucing sebelum virus itu menyerang otak serta saraf.

"Tahun ini kita ada ambil 21 sampel kucing, dengan dua daripadanya disahkan positif rabies... Kebanyakan kes jangkitan yang digigit haiwan rabies dan mereka pergi segera ke hospital untuk rawatan dan suntikan. Kalau cepat dapat rawatan, mereka boleh pulih.

"Namun, kalau mangsa lambat ke hospital dan virus sudah

sampai otak itu memang tidak dapat dipulihkan dan ia amat menyakitkan... itu yang kita nak elakkan," katanya.

Rundi berkata sebanyak 63,301 kes gigitan anjing, 57,210 kes gigitan atau cakaran kucing dan 1,832 kes gigitan haiwan lain, telah dilaporkan sejak 2017 sehingga minggu epidemiologi ke-20 tahun 2025 (11 hingga 17 Mei 2025).

Dalam pada itu, menteri berkenaan berkata Persidangan Rabies di Borneo 2025 yang memasuki edisi keempat tahun ini, diharapkan dapat mencari penyelesaian untuk memastikan negara-negara di Kepulauan Borneo bebas daripada jangkitan rabies.

"Kita mahu lebih banyak pihak terlibat untuk memahami bahaya haiwan seperti anjing yang membawa virus rabies. Jadi bagi persidangan kali ini kita menjemput Sabah, Kalimantan, Indonesia dan Brunei untuk berkongsi cara untuk menangani isu ini," ujarnya. - Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/5/2025	SINAR HARIAN	LOKAL	3

Dijangkiti rabies lepas dicakar kucing terbiar

Kuching: Seorang remaja lelaki berusia 13 tahun menjadi mangsa terbaharu dijangkiti rabies atau wabak anjing gila dipercayai selepas dicakar kucing terbiar.

Menteri Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah Sarawak, Datuk Seri Dr Stephen Rundi Utom berkata, mangsa dari Kampung Segedup, Batu Kawa, di sini, adalah kes pertama yang dikesan tahun ini.

Menurutnya, mangsa dikesan mengalami gejala demam, hilang selera, muntah, halusinasi, meracau, sukar berjalan dan sukar minum air pada 21 Mei lalu.

Katanya, remaja itu mendapatkan rawatan awal di sebuah hospital swasta sebelum dirujuk ke Hospital Umum Sarawak (HUS) dan ujian klinikal mengesahkan jangkitan rabies.

"Siasatan mendapati mangsa mempunyai sejarah dicakar kucing terbiar, namun tidak men-

dapatkan rawatan.

"Dia kini dalam rawatan lanjut, tetapi berdasarkan kebanyakan kes yang berlaku sebelum ini, apabila sampai tahap ini (ada simptom) memang sudah agak kritikal," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media Persidangan Rabies in Borneo, di Dewan Undangan Negeri (DUN) Sarawak, di sini, semalam.

Turut hadir, Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Sarawak, Datuk Dr Adrian Susin Ambud dan Pengarah Unit Keselamatan dan Penguatkuasaan Sarawak (UKPS) Datuk Dr Chai Khin Chung.

Menurutnya, operasi dijalankan pihak berkuasa untuk menangkap anjing dan kucing liar di kawasan terbabit sebaik remaja itu disahkan positif rabies.

Katanya, sebanyak 21 sampel kucing diambil pada tahun ini dengan dua daripadanya didapati positif rabies.



REMAJA 13 tahun dijangkiti wabak anjing gila dipercayai selepas dicakar kucing terbiar.

Ternakan Rusa Lenggong jadi tarikan agropelancongan

**2030
PERAK
SEJAHTERA**

Lenggong: Bermula dengan 21 rusa ditenak pada 2021, Koperasi Penggerak Ekonomi Lenggong Berhad (COSPEL) yang mengendalikan Projek Bersepadu Pembangunan Ekonomi Kampung (PROSPEK) Ternakan Rusa Lenggong di Ladang Sadang, kini mempunyai kira-kira 300 rusa.

Pengerusi Jawatankuasa PROSPEK Lenggong, Mohd Noor Azam Ismail, berkata penernakan rusa daripada baka Java timorensis yang disepadukan bersama agrotani dan agropelancongan itu kini mengorak langkah kepada sektor baharu iaitu *edutourism* (pelancongan pendidikan) di ladang di Mukim Durian Pipit.

Menurutnya, suntikan dana permulaan RM8 juta diperoleh daripada Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) bagi tempoh lima tahun membolehkan COSPEL mengurus-

kan ladang berkeluasan 91 hektar itu.

Katanya, menjadikan ternakan rusa secara padang ragut sebagai pengkhususan di ladang terbabit, selain tanaman tembikai, anggur, serai dan sawi; PROSPEK Lenggong dikenali pengeluaran daging rusa terbesar di Lenggong, mengorak langkah menggandakan sektor agropelancongan menerusi latihan disediakan kepada komuniti setempat.

"Komponen agropelancongan kini mendapat permintaan dengan ladang dibuka untuk kehadiran orang luar bagi melihat bagaimana tatacara pengurusan rusa serta pengurusan pertanian bagi tanaman dilaksanakan.

"COSPEL juga mengumpulkan peserta di bawah program PROSPEK ini daripada kategori keluarga B40 yang sudah melalui saringan sistem e-Kasih dan proses temu duga. Mereka dihantar kursus, seterusnya bersama dengan kami membangunkan ladang.

"Kami juga menawarkan ru-

ang berkolaborasi kepada mereka melalui sistem berkongsi keuntungan bersama," katanya.

Mohd Noor Azam yang juga Ketua Penolong Pegawai Daerah Lenggong, berkata selain KPLB, penernakan itu turut mendapat sokongan Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (Perak SADC), termasuk menerusi RM2 juta yang disumbangkan bagi pembangunan di ladang dalam hasrat ke arah agenda keterjaminan makanan.

"Projek ladang rusa ini kita sudah cadangkan kepada pihak kerajaan negeri untuk didaftarkan di bawah pelan pembangunan negeri, Pelan Perak Sejahtera 2030 di bawah keterjaminan makanan.

Ini kerana kita ada kolaborasi dengan Perak SADC yang juga bantu memantau projek ini.

"Jadi kami bersama dengan Perak SADC kolaborasi dari segi perancangan, walaupun pihak ladang PROSPEK sendiri mempunyai jawatankuasa penilaian tersendiri. Malah, kami turut berkolaborasi dengan jabatan dan



Mohd Noor Azam



Ladang Sadang kini mempunyai kira-kira 300 ternakan Rusa Lenggong.
(Foto Muhammad Zulsyamini Sufian Suri/BH)

agensi kerajaan lain sama ada peringkat negeri mahupun pusat.

"Ia termasuk Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) dan Jabatan Pertanian (DOA) untuk memastikan ladang ini setara dengan ladang lain dari segi kualiti dalam usaha pembangunan industri rusa di pasaran," katanya.

Lembah Bakul Makanan Malaysia (Sekuriti Makanan) diletakkan sebagai *flagship* atau andalan dalam pelan Perak Sejahtera 2030 cetusan Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad, dengan Perak SADC, JPV dan Jabatan Pertanian diletakkan sebagai antara agensi yang penerajunya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/5/2025	SINAR HARIAN	NEGERI	27

Penyu agar 100kg ditemui mati

KEMAMAN - Seekor penyu agar betina dianggarkan seberat antara 100 hingga 130 kilogram (kg) ditemui mati dalam keadaan terapung di Pantai Teluk Batu, Kijal di sini, kira-kira jam 2.30 petang pada Ahad.

Pengarah Jabatan Perikanan Negeri Terengganu, Pang Nyukang berkata, bangkai penyu dewasa yang dianggarkan berukuran 91 sentimeter (sm) panjang dan 76sm lebar itu dikesan oleh seorang pemajak ketika memantau kawasan berkenaan.

"Kami menerima laporan daripada pemajak telur penyu di Pantai Teluk Batu jam 8 malam, malangnya bangkai penyu itu tidak sempat ditarik ke daratan kerana saiznya besar dan keadaan ombak ketika itu agak kuat," katanya ketika dihubungi di sini pada Isnin.

Beliau berkata, bangkai penyu itu mungkin merupakan penyu yang sama ditemui mati di Pantai Awana Kijal, pada hari sama.

"Pemajak menjumpai penyu yang telah mati kira-kira jam 2.30 petang semalam dan ketika itu penyu tersebut masih berada dalam air.

"Mungkin bangkai penyu itu kemudiannya hanyut ke Pantai Penunjuk memandangkan pantai itu berdekatan.

"Saya telah meminta pegawai perikanan daerah membuat siasatan lanjut," katanya.

Beliau berkata, berdasarkan maklumat awal, penyu itu dipercayai mati dalam tempoh satu atau dua hari dan terdapat kesan cedera di bahagian leher mungkin akibat terjerut pada pukuk nelayan.



Seekor penyu agar betina dewasa dijumpai terdampar di dua lokasi pantai di Kemaman pada Ahad.

Katanya, orang ramai yang menemui penyu mati di kawasan pantai agar segera melaporkannya kepada pihak berkuasa supaya tindakan lanjut dapat diambil.

Sementara itu, seorang peniaga kek, Wan Shafirool Wan Salahuddin, 32, berkata, dia menemui bangkai reptilia itu kira-kira jam 4.30 petang ketika mahu memulakan perniagaan di Pantai Penunjuk, di sini pada Ahad.

"Pada awalnya saya sangka objek yang dihanyutkan ombak itu kayu, tapi apabila ia terdampar di gigi air, saya dekati dan terkejut melihat ia sebenarnya penyu yang sudah mati.

"Mata penyu ini pun sudah tersembul dan terdapat kesan kecederaan di kaki haiwan itu," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/5/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	29

PPK Kuala Langat sasar jual 2,000 lembu untuk ibadah korban

Oleh **ABDUL RAZAK IDRIS**
utusannews@mediamulia.com.my

KUALA LANGAT: Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kuala Langat menasaskan jualan lembu korban sebanyak 2,000 ekor menjelang sambutan Hari Raya Aidiladha tahun ini.

Menurut Pengerusi PPK Kuala Langat, Dr. Abdul Razak Khasbullah, pihaknya yakin mampu mencapai sasaran tersebut berdasarkan rekod jualan tahun lepas.

“Seperti tahun sebelum ini, kita menasaskan jualan lembu tempatan sebanyak 1,800 hingga 2,000 ekor akan dipasarkan untuk ibadah korban.

“Kita mempunyai 10 orang penternak yang mampu menampung permintaan khususnya untuk umat Islam di Lembah Klang terutama di Selangor,” katanya ketika meninjau ladang ternakan milik Muhammad Faiz Harol Isam di Pulau Nyatoh, di sini semalam.

Dr. Abdul Razak berkata, wa-

laupun berlaku peningkatan kos makanan haiwan, namun harga lembu yang dipasarkan masih dikekalkan bermula daripada RM5,000 ke atas mengikut saiz.

“Sambutan amat menggalakkan daripada pembeli dalam kalangan jawatankuasa masjid, syarikat korporat dan individu.

“Apa yang membanggakan majoriti pembeli yang membuat tempahan adalah pembeli yang sama seperti tahun-tahun sebelum ini. Ia disumbang oleh faktor kualiti ternakan yang baik dan perkhidmatan sembelihan untuk kemudahan pembeli,” katanya.

Mengulas mengenai khidmat penyembelihan, Dr. Abdul Razak berkata, pihaknya turut menyediakan perkhidmatan tersebut di dua pusat penyembelihan di Pulau Nyatoh milik penternak Muhammad Faiz, 32, dan Saipol Azimir, 38, di Kampung Endah dekat sini.

Katanya, bagi khidmat itu, caj sebanyak RM500 akan dikenakan oleh pemilik pusat penyembelihan tersebut.



DR. ABDUL RAZAK Khasbullah (kiri) ketika meninjau ladang ternakan lembu milik **Muhammad Faiz** (kanan) di Pulau Nyatoh, Kuala Langat, Selangor, semalam. - **UTUSAN/ABDUL RAZAK IDRIS**

FROM June 9 to 13, France will co-host, with Costa Rica, the Third United Nations Ocean Conference (UNOC3). For this crucial event, around 100 heads of state and government will converge in Nice, as well as tens of thousands of researchers, scientists, economic actors, activists and citizens from around the world. On this occasion, France's aim will be clear: protecting the ocean through tangible action.

The ocean is our common good. It feeds and protects our peoples. It provides us with sustainable energy, trade, resources and infinite scientific knowledge.

One in three people rely on the ocean for their livelihood, yet the ocean is in danger. The figures are worrying: more than eight million tons of plastic end up in the ocean every year.

More than a third of fish stocks suffer overfishing, while ocean acidification, rising sea levels and the destruction of marine ecosystems gain pace.

More than ever before, we must make sure that multilateral action is equal to the challenges of protecting the ocean.

This conference is a historic opportunity. The "Nice Ocean Agreements" can form an international pact for the conservation and sustainable use of the ocean.

To this end, the talks in Nice

UN ocean summit critical to its protection



One in three people rely on the ocean for their livelihood but the ocean is in danger.

need to be operational and action-focused, aiming for better governance, further financing and greater knowledge of the seas.

The Agreement under the UN

Convention on the Law of the Sea on the Conservation and Sustainable Use of Marine Biological Diversity of Areas beyond National Jurisdiction (BBNJ Agreement) is essential.

The high seas, which represent more than 60% of the ocean, are currently the only area not governed by international law.

The lack of surveillance and common rules is causing a real social and environmental disaster, with massive hydrocarbon and plastic pollution, illegal and unregulated fishing techniques, and the capture of protected mammals.

To end this legal vacuum, we need the BBNJ Agreement to be ratified by 60 countries so as to come into force.

To continue enjoying the incredible economic opportunities offered by the ocean, we need to make sure marine resources can regenerate. In Nice, several commitments will be announced for global trade, shipping, tourism and investment.

Lastly, we need to enhance our knowledge of the ocean and disseminate it more effectively. Together, let's mobilise science, innovation and education to better understand the ocean

and raise public awareness.

The ocean is not an issue like any other. It's everyone's business. Together, we can make the third United Nations Ocean Conference a major turning point for our peoples, for future generations and for our planet.

At the Lima'25 conference, Defence Minister Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, underlined both the extent to which Malaysia is a maritime country, and the scale of the challenges to be met in the years ahead.

Sovereignty, biodiversity, sustainability, these are just some of the priorities that France and Malaysia have in common, and which will be at the heart of the conference.

This is why Malaysia's presence, both nationally and as chair of Asean, will be crucial to the success of the conference. That's why its ratification of the BBNJ is so important.

Axel Cruau
Ambassador of France to
Malaysia